

SKA 301
PERKEMBANGAN KELUARGA MALAYSIA

TAJUK

PERKEMBANGAN DAN KESINAMBUNGAN
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

PENSYARAH

ENCIK NORHALIM BIN HAJI IBRAHIM

OLEH

AB.RAHIM BIN OTHMAN
RAHMAD BIN MUSA

39356
39959

[Bac. Pend. Bimbingan & Kaunseling]
KUMPULAN 45

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang

10 Oktober, 1995

SKA 301
PERKEMBANGAN KELUARGA MALAYSIA

TAJUK

PERKEMBANGAN DAN KESINAMBUNGAN
KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

PENSYARAH

ENCIK NORHALIM BIN HAJI IBRAHIM

OLEH

AB.RAHIM BIN OTHMAN
RAHMAD BIN MUSA

39356
39959

[Bac. Pend. Bimbingan & Kaunseling]
KUMPULAN 45

Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Pertanian Malaysia
Serdang

10 Oktober, 1995

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Segala pujian bagi Allah pencipta seluruh alam.

Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W

Bersyukur kami kehadiran Allah S.W.T atas limpah kurnia dan hidayah-Nya maka dapatlah kami menyiapkan kertas kerja ilmiah ini yang bertajuk **"Kesinambungan dan Perubahan Kekeluargaan Sesapan Batu Rembau"** bagi kursus SKA 301 [Perkembangan Keluarga Manusia].

Kesempatan ini juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada **Encik Norhalim bin Haji Ibrahim** selaku pensyarah SKA 301 yang telah banyak memberikan nasihat, pandangan, tinjau ajar serta bimbingan dari masa ke semasa kepada kami dalam usaha untuk menyiapkan kertas kerja ini. Di atas kerjasama dan panduan serta kesediaan Encik Norhalim meluangkan masa tanpa mengira waktu telah banyak membantu kami menulis kertas kerja ini dengan jayanya.

Sekalung penghormatan dan terima kasih juga diucapkan kepada Tuan Haji Sulaiman Isa [Datuk Empat] dan ketua-ketua suku, Tuan Haji Idris Ripin [Ketua Kampung] dan JKKK, Encik Daud Kassim [Ketua UMNO] dan AJK, Encik Mohamad Fauzi Daud [Ketua Pemuda UMNO] dan AJK, Puan Noraizan Ibrahim [Ketua Wanita UMNO] dan AJK, Tuan Haji Yusuf Samsuddin [Ketua Belia 4B] dan AJK, Encik Mokhtar Jalil [Nazir Masjid] dan AJK serta masyarakat Kampung Sesapan Batu Rembau amnya kerana telah banyak membantu kami mendapatkan maklumat serta memberi panduan kepada kami. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Prakata	i
Kandungan	ii
Biodata Kampung Sesapan Batu Rembau	iv
1.0 Bagaimana Kampung Sesapan Batu Rembau mendapat nama.	1
1.1 Pemilihan Nama Sesapan Batu Rembau	1
1.1.1 Versi Pertama	1
1.1.2 Versi Kedua	2
1.2 Pemilihan Nama Rembau	5
2.0 Punca-punca yang menolak masyarakat keluar dari Rembau.	6
2.1 Faktor-faktor yang menarik masyarakat berhijrah ke Sesapan Batu Rembau.	8
3.0 Sejarah pembukaan Sesapan Batu Rembau	10
3.1 Bila dibuka	10
3.2 Siapa yang membuka	10
3.3 Cara masyarakat datang ke Sesapan batu Rembau	11
4.0 Politik masyarakat Sesapan Batu Rembau	13
4.1 Datuk Empat dan peranannya	14
4.1.1 Pemilihan Datuk Empat	14
4.1.2 Bidang kuasa Datuk Empat	15
4.1.3 Peranan dan tugas Datuk Empat	16

5.0	Adat istiadat masyarakat Sesapan batu Rembau	27
5.1	Hutang darah dibayar darah	27
5.2	Adat perkahwinan	31
5.2.1	Adat merisik	31
5.2.2	Adat menghantar cincin tanya	34
5.2.3	Adat bertunang	40
5.2.3.1	Adat pantang larang semasa bertunang	42
5.2.4	Adat nikah kahwin	45
5.2.4.1	Keperluan wajib adat semasa upacara akad nikah.	45
5.2.4.2	Adat yang tidak wajib tetapi telah menjadi tradisi.	46
5.2.4.3	Adat nikah gantung atau nikah hukum	49
5.2.5	Adat Bersalah-salahan	52
5.2.5.1	Adat bersalah-salahan di luar rumah	53
5.2.5.2	Adat bersalah-salahan di dalam rumah	54
5.2.6	Prosedur hukuman bersalah-salahan	60
6.0	Sistem pentadbiran Kampung Sesapan Batu Rembau	62
6.1	Sejarah pentadbiran kampung	62
6.2	Suku-suku di Kampung Sesapan Batu Rembau	63
6.3	Carta Organisasi Adat Sesapan Batu Rembau	64
6.4	Organisasi-organisasi pentadbiran kampung	65
7.0	Rumah Kediaman dan perubahan	73
8.0	Perkembangan sistem ekonomi	74
9.0	Kesimpulan	78



Papan tanda menunjukkan alamat
Kampung Sesapan Batu Rembau dan
ucapan selamat datang.



Papan tanda menunjukkan alamat
Kampung Sesapan Batu Rembau dan
ucapan selamat datang.

BIODATA KAMPUNG SESAPAN BATU REMBAU

1. Nama kampung : Kampung Sesapan Batu Rembau
2. Pekan : Beranang
3. Daerah : Hulu Langat
4. Negeri : Selangor Darul Ehsan
5. Jumlah Rumah : 145 buah
6. Jarak kampung : 3.5 km
7. Asal Penduduk : Rembau, Negeri sembilan
8. Kedudukan : Sempadan antara Negeri Sembilan dengan Selangor
9. Pekerjaan Penduduk : Sektor kerajaan, swasta dan sendiri
10. Agama : 100% Islam
11. Adat : Pepatih [sistem kesukuan]
12. Kemudahan Asas : Lengkap
13. Kenderaan Penduduk : Kereta, motosikal dan basikal
14. Tempat Penduduk Berkumpul : - Masjid
- Surau
- Kedai kopi
- Balai raya
15. Bahasa Perantaraan : Dialek Negeri Sembilan

5.0 ADAT ISTIADAT MASYARAKAT SESAPAN BATU REMBAU:

5.1 Hutang Darah Di Bayar Darah:

Konsep di atas membawa maksud bahawa apabila berlaku sesuatu kecelakaan atau kecederaan ke atas mana-mana penduduk kampung ini yang menyebabkan darah keluar daripada tubuh badan akibat kecuaiian atau perbuatan manusia sendiri, maka sebagai hukumannya hendaklah juga digantikan dengan darah. Pengertian darah yang digantikan dengan bukan membawa maksud darah manusia tetapi adalah darah binatang seperti ayam ataupun kambing yang disembelih.

Di dalam sejarah perkhidmatan Datuk Empat seperti yang dinyatakan, konsep hutang darah dibayar dengan darah banyak berlaku dalam pergaduhan sama ada pergaduhan antara orang dewasa ataupun pergaduhan antara kanak-kanak.

Apabila sesuatu pergaduhan telah berlaku, ibubapa atau waris sebelah pihak atau kedua-dua pihak akan membuat aduan kepada Datuk Empat. Datuk Empat akan menyiasat kecederaan yang dialami oleh yang bergaduh tadi dan kemudiannya akan bertanya sama ada perkara itu ingin diselesaikan secara adat atau tidak. Sekiranya pengadu ingin diselesaikan secara adat, maka Datuk Empat akan berjumpa dengan waris sebelah pihak untuk mendapatkan persetujuan untuk dicarikan jalan penyelesaiannya.

Datuk Empat akan bertindak untuk mengatur pertemuan mereka yang bergaduh berserta warisnya dengan kadar yang segera bagi mengelakkan sebarang kekecohan yang lebih buruk. Jadi sebagai Datuk Empat, maka kedua-dua pihak dan waris akan dipanggil ke rumah Datuk Empat untuk membuat penyelesaian. Dalam penyelesaian tersebut tidak dibenarkan perbahasan, sebaliknya hanya mencari jalan untuk membuat penyelesaian.

Datuk Empat menerangkan bentuk hukuman dari segi adat tentang bayaran darah yang akan dikenakan bagi yang telah melakukan kesalahan. Bentuk hukuman bayaran darah adalah seperti berikut:-

KECEDERAAN	HUKUMAN	CATATAN
a. Luka luas di kepala dan darah banyak keluar.	- Seekor kambing jantan tidak kira sama ada besar atau kecil.	- Hukuman seekor kambing kerana luka tersebut tak dapat disorokkan kerana luka amat luas Ini memalukan magsa dan keluarganya. - Untuk ganti darah yang banyak keluar perlukan darah kambing sebagai ganti.
b. Luka sedikit di kepala darah tidak banyak keluar.	- Seekor ayam jantan.	- Darah yang keluar tidak banyak, mungkin sama banyak ataupun kurang daripada darah ayam.
c. Luka di mana-mana bahagian anggota badan yang lain.	- Seekor ayam jantan.	- Cukup dengan darah seekor ayam jantan kerana kecederaan tersebut kuarang merbahaya.

Setelah Datuk Empat menjelaskan bentuk pembayaran darah dari segi adat, maka kedua-dua belah pihak dan Datuk Empat berbincang untuk memilih bentuk penggantian darah tadi sama ada seekor ayam atau seekor kambing dengan mengambil kira keluasan luka dan banyak darah yang keluar.

Apabila persetujuan telah dicapai, maka mereka akan berbincang untuk menentukan tarikh yang sesuai untuk diadakan kenduri di rumah Datuk Empat untuk tujuan mengistiharkan pembayaran hutang darah tadi.

Di dalam kenduri itu nanti, kedua-dua belah pihak akan membawa yang bergaduh dan sanak-saudaranya serta penduduk kampung yang lain bagi menyaksikan pengistiharan tersebut agar selepas daripada itu tidak akan ada lagi yang bergaduh melibatkan dua keluarga tadi. Bagi yang dikenakan bayaran darah tadi akan membawa ayam atau kambing pada malam tersebut ke rumah Datuk Empat.

Di dalam majlis ini, Datuk Empat akan menjelaskan penyelesaian yang telah dibuat dan kemudian meminta waris bagi yang berselisih faham berikrar untuk cuba tidak mengulaginya lagi.

Ayam atau kambing yang dibawa tadi akan disembelih dan kemudian diambil darahnya. Di khalayak ramai maka darah yang disembelih tadi akan diambil dan disapukan ke tempat yang luka antara waris kedua-dua belah pihak.

Ayam atau kambing yang telah di sembelih dan diambil darahnya tadi akan dimasakkan untuk dijadikan lauk kenduri pada malam itu dan akan dimakan bersama-sama.

5.2 Adat Perkahwinan:

Pembentukan institusi keluarga melalui proses perkahwinan di kampung ini masih lagi dipengaruhi oleh sistem adat yang berlandaskan sistem Adat Perpatih. Namun begitu, akibat perubahan masa dan kedudukannya di luar negeri beradatkan Adat perpatih, maka sedikit sebanyak mengalami perubahan.

Di sini, pengkaji akan cuba memaparkan sistem adat perkahwinan masyarakat kampung ini yang masih kekal sehingga pada hari ini.

5.2.1. Adat Merisik:

Biasanya adat merisik ini terjadi apabila seseorang lelaki bujang daripada sesebuah keluarga itu telah menyatakan hasratnya untuk mendirikan rumah tangga kepada orang tuanya ataupun apabila seseorang teruna itu menyatakan persetujuannya untuk berkahwin apabila kedua-dua ibu bapanya telah menyatakan masanya sudah sampai untuk dia berumah tangga.

Bagi masyarakat di kampung ini, sama ada bakal calon isteri itu telah ditemui oleh teruna atau tidak, urusan merisik tetap dijalankan oleh keluarga lelaki. Tujuan merisik ini adalah untuk memastikan bahawa perempuan yang dicadangkan itu mempunyai suku atau tidak.

Sekiranya perempuan tadi mempunyai suku, maka kedudukan suku perempuan tadi hendaklah dipastikan dengan tepat agar terhindar daripada perkahwinan sesuku. Sekiranya perempuan yang dipilih tadi tidak mempunyai suku, maka proses seterusnya boleh dilakukan. Di kampung ini, perkahwinan sesuku adalah diharamkan semenjak kampung ini ditubuhkan lagi.

Aktiviti merisik ini juga adalah bertujuan untuk memastikan bahawa perempuan yang dicadangkan itu belum berpunya, benar-benar bersih daripada sebarang perbuatan cemar, penyakit, kecacatan dan sebagainya, serta mempunyai tingkah laku penuh sopan dan menyakinkan keluarga pihak lelaki.

Selain daripada memberi tumpuan kepada tingkah laku dan sopan-santun perempuan yang dicadangkan, melalui aktiviti merisik akan cuba mendapatkan maklumat tentang keluarga tersebut dari segi:

- a. Budi bahasa
- b. Didikan ke atas anak-anak

- c. Kedudukan keluarga dalam masyarakat
- d. Penyakit-penyakit keturunan yang ada

Bagi menjayakan aktiviti merisik ini biasanya orang yang terlibat sepenuhnya ialah kedua-dua ibu bapa, adik-beradik ataupun waris-waris terdekat dalam keluarga tersebut. Ada beberapa cara digunakan untuk melaksanakan aktiviti merisik;

- a. Ibu bapa lelaki atau waris terdekatnya akan cuba merisik melalui kenalan atau saudaranya yang hampir dengan rumah perempuan tadi. Ibu bapa lelaki ini akan ke rumah kenalannya itu untuk mendapatkan pelbagai maklumat diri dan keluarga perempuan tersebut. Kenalan atau saudaranya yang dimaksudkan adalah mereka yang benar-benar dipercayai. Dalam usaha untuk mendapatkan maklumat ini, keluarga lelaki akan cuba mendapatkan maklumat yang dikehendaki sehingga menakutkan mereka.
- b. Apabila segala maklumat yang dikehendaki itu benar-benar meyakinkan dan positif salah seorang daripada keluaraga tersebut sama ada ibu atau bapa atau waris terdekat akan membuat kunjungan mesra ke rumah keluarga perempuan untuk mengesahkan maklumat-maklumat yang dikumpul sebelumnya.

Ahli keluarga yang membuat kunjungan mesra tadi akan melaporkan semua perkara tentang keluarga tersebut kepada keluarga lelaki. Jika maklumat yang diperolehi sebelumnya selaras dengan apa yang disampaikan oleh ahli keluarga yang baru balik dari rumah keluarga perempuan tadi, maka persetujuan pun dibuat untuk menentukan bilakah tarikh dan masa yang sesuai untuk menghantar cincin tanya ke rumah keluarga pihak perempuan.

5.2.2. Adat Menghantar Cincin Tanya:

Sebelum tarikh dan masa yang ditetapkan untuk ke rumah pihak keluarga perempuan, pihak keluarga lelaki menyediakan sebarang cincin emas. Biasanya cincin emas ini adalah berupa cincin belah rotan.

Apabila masa yang ditetapkan tiba, ibu bapa atau wakil keluarga lelaki akan datang ke rumah keluarga perempuan. Kedatangan mereka ini biasanya tidak lebih daripada tiga orang dan kedatangan mereka diberitahu lebih awal kepada keluarga perempuan.

Keluarga perempuan hanya diberitahu tentang mereka hendak datang sahaja dan tidak lebih daripada itu. Wakil pihak lelaki yang datang akan membawa bersama-sama mereka sebarang cincin.

Semasa wakil pihak lelaki berada di rumah keluarga perempuan, biasanya dimulai dengan perbincangan dengan cerita-cerita tentang perjalanan semasa hendak ke rumah keluarga perempuan, cerita tentang kehidupan seharian dan lain-lain lagi. Semuanya ini adalah bertujuan untuk mewujudkan perhubungana mesra di antara satu sama lain bagi memudahkan penyampaian maksud kedatangan.

Selalunya cerita dan perbincangan berkisar kepada kehidupan seharian ini berlarutan sehingga lebih kurang tiga puluh minit. Kemudian salah seorang daripada wakil yang datang tadi akan memohon maaf kepada pihak keluarga perempuan kalau kedatangan mereka menyusahkan tuan rumah. Seterusnya menyatakan secara ringkas tujuan kedatangan mereka seperti berikut;

Kami datang pada malam ini
dengan membawa hajat yang besar
iaitu ingin bertanya kalau-kalau
bunga yang kembang mekar dalam
keluarga ini belum disunting
orang. Jadi kalau belum disunting orang kami
bercadang untuk menyunting buat anak kami yang
bernama Ahmad.
Jadi sebagai tanda bertanya
kami secara rasmi pada malam ini
kami bawa bersama sebungkus cincin.

Selepas sahaja maksud kedatangan disampaikan, wakil yang datang tadi akan menyerahkan cincin yang dibawa sebagai tanda bertanya kepada pihak keluarga perempuan. Pihak keluarga perempuan menerima cincin dan menyatakan bahawa mereka faham akan maksud dan tujuan kedatangan tersebut.

Walaupun begitu pertanyaan pihak keluarga lelaki tidak dapat diberi persetujuan semasa perjumpaan itu, sebaliknya pihak keluarga perempuan memohon supaya cincin tanya itu ditinggaskan buat sementara waktu pada keluarga pihak perempuan.

Pihak keluarga perempuan khususnya bapa perempuan memohon cincin ditinggalkan untuk memaklumkan kepada semua saudara lelaki pihak perempuan tentang hasrat dan tujuan kedatangan pihak lelaki. Saudara lelaki pihak perempuan yang dimaksudkan ialah;

- a. Datuk sebelah ibu
- b. Bapa saudara sebelah ibu
- c. Abang kepada perempuan yang dirisik
- d. Adik kepada perempuan yang dirisik
- e. Anak lelaki bagi ibu saudara sebelah ibu

Bapa perempuan yang ingin dijodohkan ini, dari segi adatnya hanya berfungsi menyediakan makan minum, belanja kehidupan dan menentukan pendidikan yang sempurna kepada anak-anaknya. Dari segi adatnya bapa tidak berfungsi dalam hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan anaknya khususnya anak perempuan.

Jadi dalam hal ini, ibu dan bapa perempuan tadi akan membawa cincin tanya pihak lelaki tadi untuk bertemu saudara-saudara lelaki sebelah ibu pihak perempuan dan menyatakan tentang hasrat dan keinginan keluarga pihak lelaki. Bagi saudara lelaki yang dekat akan dikunjungi rumahnya oleh bapa dan ibu pihak perempuan, manakala yang jauh dimaklumkan melalui telefon ataupun surat.

Sebelum ibu dan bapa pihak perempuan memaklumkan hasrat dan tujuan kedatangan pihak lelaki kepada saudara lelaki sebelah perempuan, keluarga perempuan khususnya ibu dan bapa pihak perempuan akan merisik tentang keadaan teruna yang berhajatkan anaknya dan keadaan keluarga tersebut.

Aktiviti merisik yang dilakukan oleh keluarga perempuan sama seperti yang dilakukan sebelumnya oleh pihak lelaki. Jikalau maklumat yang diperolehi daripada aktiviti merisik adalah seperti yang diharapkan maka barulah ibu dan bapa perempuan memaklumkan kepada saudara-saudara lelaki untuk membuat keputusan selanjutnya.

Apabila semua saudara lelaki yang dari segi adatnya yang bergelar **empat mondo** telah dimaklumkan oleh ibu dan bapa pihak perempuan, maka empat mondo yang paling tua dalam keluarga tersebut, contohnya datuk sebelah ibu akan menjemput semua saudara sebelah lelaki tadi datang ke rumah pihak perempuan mengikut tarikh dan masa yang telah ditetapkan.

Di dalam perjumpaan tersebut, saudara lelaki yang tua yang memanggil mereka untuk datang akan mengepalai perbincangan untuk membuat keputusan. Di antara keputusan yang akan diambil dalam perbincangan tersebut ialah;

- i. Persetujuan untuk menerima lamaran pihak lelaki
- ii. Menentukan jumlah hantaran perkahwinan
- iii. Menentukan tarikh yang sesuai untuk majlis peminangan
- iv. Menentukan jumlah hantaran perkahwinan semasa majlis pertunangan
- v. Melantik wakil untuk pergi ke rumah pihak lelaki bagi tujuan menyatakan persetujuan menerima lamaran dan seterusnya membincangkan semua keputusan yang telah dibuat.

vi. Menentukan had minimum hantaran yang dibolehkan jikalau pihak lelaki ingin memohon hantaran supaya dikurangkan daripada jumlah awal yang telah ditentukan.

vii. Menentukan sama ada majlis pertunangan tersebut diadakan secara besar-besaran atau kecil-kecilan.

Berdasarkan keputusan-keputusan yang telah diambil dalam perjumpaan empat mondo maka wakil yang dilantik (biasanya ibu dan bapa pihak perempuan) akan pergi ke rumah keluarga pihak lelaki untuk membawa dan menyatakan segala keputusan yang telah dibuat oleh empat mondo. Biasanya jarak masa di antara menghantar cincin tanya oleh pihak lelaki dengan jawapan daripada pihak perempuan ialah selama tiga minggu.

Jikalau keputusan empat mondo yang dibawa itu positif maka ibu dan bapa yang menjadi wakil empat mondo tadi akan menyatakan persetujuan tersebut bagi seluruh pihak keluarga perempuan. Dalam pertemuan ini akan dibincangkan keputusan pihak perempuan untuk dipersetujui oleh pihak keluarga lelaki.

Di antara keputusan-keputusan yang selalu dibincangkan dengan teliti ialah;

- i. Jumlah hantaran perkahwinan
- ii. Jumlah hantaran semasa majlis pertunangan
- iii. Menentukan hari pertunangan

5.2.3 Adat Bertunang:

Apabila hari yang telah dipersetujui antara pihak lelaki dengan pihak perempuan tiba, maka pihak lelaki dikehendaki datang ke rumah pihak perempuan yang hendak dipinang. Semasa peminangan ini pihak lelaki akan membawa dua perkara wajib dari segi adat kampung ini iaitu dua bentuk cincin emas sebagai cincin peminangan dan setepak sirih yang lengkap.

Bagi pihak lelaki yang datang, yang mempunyai adat yang sama dengan penduduk kampung ini mereka akan membawa dua perkara yang wajib di atas dari segi adat iaitu dua bentuk cincin emas dan setepak sirih. Tetapi bagi pihak lelaki yang datang yang tidak mempunyai persamaan adat maka perkara wajib dari segi adat yang perlu dibawa ialah dua bentuk cincin emas sahaja.

Adalah menjadi tanggungjawab wakil pihak perempuan untuk memaklumkan keperluan dari segi adat ini kepada pihak lelaki semasa mengadakan perundingan untuk menetapkan hari pertunangan yang dibuat sebelum ini. Mengenai hantaran belanja kahwin pula, adat tidak membuat garis panduan jumlah wang yang perlu diberi, sebaliknya terpulanglah di atas perundingan yang telah dibuat oleh kedua-dua belah pihak sebelumnya.

Keutamaan dari segi adat ialah dua bentuk cincin emas dan setepak sirih yang lengkap. Sebaik sahaja dua bentuk cincin pertunangan ini diserahkan semasa hari pertunangan pihak perempuan akan menyerahkan kembali cincin tanya yang dibawa semasa bertanya dahulu kepada pihak lelaki. Dalam hal ini pihak lelaki terpaksa menyediakan tiga bentuk cincin iaitu sebentuk cincin tanya dan dua bentuk cincin pertunangan.

Di sini adat memberi kelonggaran di mana pihak lelaki dibolehkan menyediakan dua bentuk cincin sahaja. Perkara ini boleh dilakukan dengan cara membawa sebentuk cincin tanya semasa bertanya dan membawa sebentuk lagi cincin pertunangan semasa majlis peminangan. Pihak lelaki dibolehkan membawa sebentuk cincin semasa pertunangan dengan syarat cincin tanya yang diserahkan kembali semasa pertunangan oleh pihak perempuan kepada pihak lelaki diserahkan kembali kepada pihak perempuan dan dijadikan dua bentuk cincin pertunangan.

Bagi pihak perempuan yang menerima dua bentuk cincin peminangan ini, dua orang penting pihak perempuan mesti ada di dalam majlis tersebut iaitu Buapaknya dan Datuk Empat. Semasa majlis peminangan berlangsung, Buapak akan menyerahkan upacara tersebut kepada Ketua Adat untuk menjalankan majlis.

Dalam majlis tersebut Datuk Empat yang mewakili pihak perempuan akan menerima setepak sirih dan dua bentuk cincin daripada pihak lelaki. Datuk Empat akan menyerahkan kembali sebentuk cincin yang digunakan semasa bertanya tempoh hari.

Selepas urusan cincin selesai, maka akan diadakan perjanjian antara Datuk Empat bagi pihak perempuan dan wakil pihak lelaki. Dalam perjanjian tersebuita akan dibuat beberapa keputusan iaitu:

- a. Tarikh melangsungkan perkahwinan.
- b. Pantang-larang dalam pertunangan.
- c. Keperluan adat semasa majlis pertunangan.

5.2.3.1 Adat Pantang-larang Semasa Bertunang

Selaku Datuk Empat, belia menyatakan kepada pihak lelaki dan perempuan tentang adat pantang-larang semasa dalam bertunang. Adat pantang-larang ini berbunyi:

"Helah lelaki lonco dan helah perempuan gando"

"Helah lelaki lonco" bermaksud di dalam proses pertunangan tadi pihak lelaki tidak mahu berkahwin atau mungkir janji dengan pihak perempuan yang ditunangnya atau didapati bahawa lelaki tadi mengadakan hubungan dengan gadis ataupun perempuan lain.

Bagi kes yang pertama di mana lelaki tersebut secara rela hati tidak mahu berkahwin dengan perempuan yang ditunangnya, maka wakil pihak lelaki akan datang ke rumah pihak perempuan untuk menyatakan putusnya tali pertunangan.

Di sini Datuk Empat akan hadir pada waktu itu untuk menjelaskan kembali dari segi tuntutan adat yang telah dinyatakan semasa bertunang dahulu, iaitu helah bagi pihak lelaki, maka segala barangan yang dibawa semasa majlis pertunangan itu dulu akan menjadi milik pihak perempuan seperti dua bentuk cincin dan belanja hantaran. Pegangan adat ialah:

"Malang tak depek ditolak
 Labo tak depek diraih
 Untung tak depek dighabatkan
 Semuonyo kehondak Allah"

"Helah lelaki lonco" juga boleh terjadi tanpa lelaki tersebut menyatakan yang dia tidak mahu menagahwini perempuan yang ditunangnya. Keadaan-keadaan yang boleh dikategorikan berhubung dengan perkara di atas ialah apabila lelaki itu

secara terang-terangan telah mengadakan hubungan dengan perempuan lain. Hubungan ini telah diketahui dan dilihat sendiri oleh Empat Mondo atau Buapak keluarga perempuan.

Sebagai tindakannya, pihak perempuan terutamanya Buapak akan merujuk perkara ini kepada Datuk Empat. Jika didapati benar dan dikategorikan sebagai helah, maka hilanglah semua hantaran pertunangan yang telah dihantar oleh pihak lelaki. Jadi, "lonco" di sini membawa maksud hilang hantaran lelaki dan adatnya tidak layak untuk dituntut.

"Helah perempuan gando" pula bermaksud, apabila perempuan yang bertunang tadi atau keluarganya tidak mahu melangsungkan perkahwinan dengan lelaki yang ditunangnya. Maka di sini, wakil atau Buapak pihak perempuan akan datang ke rumah pihak lelaki berserta Datuk Empat dengan membawa sekali gandaan barang-barang seperti cincin dua bentuk menjadi empat bentuk dan kalau ada hantaran belanja sebanyak RM3 000.00 semasa bertunang maka ia akan menjadi RM6 000.00 untuk diserahkan kepada pihak lelaki semasa memutuskan pertunangan.

"Gando" ini dilaksanakan kerana perjanjian pertunangan tersebut diadakan di rumah pihak perempuan dan pihak perempuan yang telah membuat keputusan bersetuju untuk berkahwin, sedangkan pihak lelaki pada masa itu mengikut sahaja keputusan daripada pihak perempuan.

5.2.4 Adat Nikah Kahwin

Biasanya upacara nikah-kahwin di kampung ini memakan masa selama dua hari iaitu bermula pada pagi hari Sabtu dan berakhir pada petang Ahad. Bagi menjayakan majlis kenduri nikah-kahwin ini, golongan atau individu berikut wajib hadir;

- a. Datuk Empat
- b. Buapak
- c. Empat Mondo
- d. Semondo

Keempat-empat individu di atas mempunyai peranan mereka masing-masing semasa majlis tersebut berlangsung. Sekiranya satu daripada mereka tidak hadir, maka pincanglah majlis tersebut.

5.2.4.1 Keperluan Wajib Adat Semasa Upacara Akad-Nikah:

Semasa majlis akad-nikah akan dijalankan maka beberapa keperluan wajib dari segi adat perlulah disediakan terlebih dahulu. Antara perkara-perkara yang perlu disediakan ialah;

- a. Setapak sirih
- b. Maskahwin sebanyak RM 80.00
- c. Satu persalinan pakaian
- d. Duit masjid (bagi lelaki yang datangnya dari luar kampung)

- e. Persalinan pakaian tambahan bagi yang melangkah bendol [persalinan mengikut bilangan]

Semua keperluan wajib di atas akan dipastikan ada dan sempurna oleh Datuk Empat. Selepas itu barulah dijalankan upacara akad nikah.

5.2.4.2 Adat Yang Tidak Wajib Tetapi Telah Menjadi Tradisi:

Terdapat beberapa adat bersifat tidak wajib dilaksanakan semasa perkahwinan tetapi telah menjadi tradisi. Ini bermakna pihak tuan rumah yang mengadakan majlis perkahwinan anak boleh mengadakannya atau tidak mengadakannya semasa majlis perkahwinan. Antara perkara-perkara tersebut ialah;

- a. Mengasah Pengantin
- b. Dikir Berarak
- c. Silat
- d. Tarian Piring

a. Mengasah Pengantin:

Adat mengasah pengantin ini ialah pasangan pengantin lelaki yang baru sampai di rumah pengantin perempuan berhenti dalam jarak 100 meter sebelum sampai rumah pengantin perempuan untuk menunggu kedatangan pengantin perempuan.

Apabila pengantin perempuan sampai, maka pasangan ini akan duduk di atas kerusi rotan yang telah siap diikat dengan buluh. Pasangan ini akan dipikul oleh empat orang pemuda gagah iaitu dua dibahagian hadapan dan dua lagi di bahagian belakang untuk berarak terus ke rumah pengantin perempuan. Dalam perjalanan berarak tadi, kumpulan dikir akan berdikir sambil berarak.



Majlis Mengarak Pengantin



b. Dikir Berarak:

Dikir berarak ini dinyayikankan secara berkumpulan. Kumpulan ini akan berdikir semasa mengikuti pasangan pangantin berarak. Kedudukannya adalah dibelakang pasangan pengantin dan banyak diketuai oleh golongan tua kampung sebagai salah satu cara menunjukkan rasa gembira masyarakat kampung ini di atas perkahwinan pasangan tersebut.



c. Persembahan Seni Silat dan Tari Piring:

Selepas pasangan berarak dengan diiringi oleh kumpulan berdikir, pasangan tadi akan duduk di atas kerusi yang disediakan di halaman rumah dengan diiringi oleh pengapit dari kalangan orang semeondo bagi pihak pengantin perempuan. Di ruangan di hadapan pasangan pengantin disediakan kawasan lapang dalam bentuk bulatan.

Apabila keadaan semuanya sudah sedia, iaitu pasangan

pengantin dan pengapitnya sudah mengambil tempat masing-masing serta bahagian hadapannya sudah dikosongkan, maka rebanapun dipalu untuk memulakan persembahan seni kebudayaan kampung. Di dalam persembahan ini akan ditunjukkan kecekapan permainan silat gelombang, silat pulut dan tarian piring.

Bagi persembahan silat, ianya akan dipersembahkan oleh remaja lelaki dan bagi tari piring pula akan dipersembahkan oleh remaja perempuan yang lengkap dengan pakaian masing-masing. Persembahan seni silat dan tarian piring ini biasanya akan memakan masa selama tidak lebih daripada 40 minit.

Selesai sahaja persembahan seni silat dan tari piring, pasangan pengantin dan pengapitnya akan berjalan masuk ke dalam rumah untuk majlis bersanding di pelamin yang telah disediakan. Sebaik sahaja pasangan ini sampai di tangga rumah, pasangan ini akan ditaburkan dengan beras kunyit oleh seorang perempuan tua yang mewakili tuan rumah.

5.2.4.3 Adat Nikah Gantung atau Nikah Hukum:

Satu masa dahulu adat nikah gantung ini dipanggil nikah hukum, tetapi akibat perubahan pendidikan dan pemikiran masyarakat, tanpa disedari ianya lebih popular hingga ke hari ini dengan panggilan "Nikah Gantung"

Adat nikah gantung ini tidak banyak bezanya dengan adat nikah yang biasa diadakan kerana prosedur awalnya adalah sama iaitu melakukan proses merisik dan meminang. Perbezaannya hanyalah apabila hendak menyempurnakan akad nikah dan kenduri kahwin.

Bagi adat yang formal[biasa] akad nikah dan kenduri kahwin adalah dijalankan serentak, tetapi dalam akad nikah gantung, akad nikahnya dan kenduri kahwinnya diadakan pada hari yang berlainan, iaitu dalam jangka masa perbezaan yang lama.

Ada beberapa faktor yang membawa kepada wujudnya nikah gantung;

- a. Pasangan yang hendak berkahwin terlalu mendesak supaya disegerakan akad nikah.
- b. Permintaan keluarga dua belah pihak, ditakuti anak merka akan gagal mengawal diri dan tingkah laku kerana mereka tinggal di dalam satu kampung yang sama dan hampir.
- c. Keinginan pasangan atau permintaan keluarga diberikan keutamaan, sedangkan pada masa itu keluarga tersebut belum mempunyai kemampuan kewangan dan peralatan untuk mengadakan majlis kenduri kahwin.

Dari segi keperluan adat, pihak lelaki mesti menyediakan segala keperluan tersebut seperti cincin, persalinan dan duit adat mas kahwin semasa upacara akad nikah. Bagi yang lain-lainnya boleh dibincangkan untuk dibawa semasa majlis persandingan yang sebenarnya yang akan ditetapkan.

Semasa majlis akad nikah ini pihak perempuan hanya membuat persiapan kecil sahaja, seperti jamuan teh dan rombongan pihak lelaki yang datang pula adalah sekitar lima hingga sepuluh orang sahaja.

Dalam tempoh masa menunggu hari perkahwinan dilangsungkan, kedua-dua pasangan tadi tidak dibenarkan tinggal dan tidur bersama seperti pasangan suami isteri. Dalam tempoh nikah gantung ini, pasangan tadi akan meneruskan kehidupan seharian masing-masing di rumah masing-masing seperti mana pasangan yang sedang bertunang. Keadaan ini kekal sehinggalah selesai mereka mengadakan majlis perkahwinan.

Adalah sesuatu yang amat memalukan keluarga lelaki dan perempuan, jika di hari persandingan yang telah ditetapkan itu, perempuan yang bersanding itu telah berbadan dua walaupun di atas benih yang sah.

5.2.5 Adat Bersalah-Salahan:

Adat bersalah-salahan adalah merupakan satu tindakan tegas yang diambil dari segi adatnya oleh orang-orang yang berautoriti di kampung ini seperti Datuk Empat dan Buapak bagi sesebuah suku itu. Bersalah-salahan yang membawa kepada diambil tindakan oleh ketua adat ini ialah apabila satu-satu pasangan itu yang bukan sesuku dan bukan muhrim duduk atau berjalan dalam keadaan sumbang dari segi pandangan ahli masyarakat. Pasangan di sini membawa maksud sama ada ianya;

- a. Teruna dan dara
- b. Teruna dan janda
- c. Janda dan suami orang
- d. Duda dan janda

Jadi dengan berlakunya perlakuan yang sumbang antara pasangan tadi dari kaca mata masyarakat, maka perbuatan mereka tadi telah bersalah-salahan dengan kehendak dan peraturan masyarakat. Dari segi adatnya perlakuan yang seumpama ini tidak boleh diabaikan, sebaliknya mesti diambil tindakan.

Adat bersalah-salahan terbahagi kepada dua iaitu;

- a. Adat bersalah-salahan di luar rumah.
- b. Adat bersalah-salahan di dalam rumah.

5.2.5.1 Adat Bersalah-Salahan di Luar Rumah:

Adat ini akan dikuatkuasakan apabila tingkahlaku pasangan lelaki dan perempuan yang belum mempunyai ikatan nikah-kahwin kelihatan sumbang semasa dilihat oleh masyarakat semasa berada di luar rumah.

Tingkahlaku pasangan yang dikatakan sumbang adalah seperti berikut;

- a. Jalan berdua-duaan sam ada di waktu siang ataupun malam hari di kawasan kampung.
- b. Duduk dengan pasangan di tempat-tempat yang sunyi dan jauh dari pandangan umum.
- c. Berdua-duaan di dalam kawasan semak atau belukar.
- d. Berdua-duaan di kawasan mandi seperti perigi atau sungai.

Bagi kesalahan-kesalahan di atas yang berlaku di luar rumah, ianya lebih popular di kalangan penduduk kampung dengan panggilan "tangkap basah".

Panggilan tangkap basah ini wujud apabila sahaja Datuk Empat dan Buapak bagi suku perempuan, sepakat untuk menjatuhkan hukuman ke atas pasangan tersebut.

5.2.5.2 Adat Bersalah-Salahan di Dalam Rumah:

Bagi adat bersalah-salahan di dalam rumah ialah bagi kesalahan mana-mana pasangan yang didapati tingkahlaku mereka sumbang dari segi pemandangan dan pemikiran yang berlaku di dalam bangunan sama ada di dalam salah satu tempat yang berikut;

- a. Rumah sendiri
- b. Rumah kosong
- c. Pondok durian
- d. Pondok padi
- e. Reban ayam

Keadaan-keadaan yang dikategorikan sebagai sumbang ini berkuatkuasa pada waktu malam dan siang. Adat bersalah-salahan di dalam rumah ini boleh dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu;

- a. Bersalah-salahan di serambi rumah.
- b. Bersalah-salahan di tengah rumah.
- c. Bersalah-salahan di dalam bilik.

a. Bersalah-salahan di Serambi Rumah:

Bersalah-salahan di serambi rumah, bermaksud pasangan tersebut di dapati berdua-duaan di serambi rumah tanpa ada orang lain bersamanya. Rumah yang dimaksudkan ialah rumah pihak perempuan. Kehadiran pihak lelaki di serambi rumah ini tidak diketahui oleh keluarga pihak perempuan.

Jadi kemasukan lelaki ini kebahagian serambi rumah adalah melalui dua cara. Cara yang pertama, dibukanya pintu oleh perempuan itu tanpa disedari oleh ahli keluarganya dan yang kedua dengan cara memanjat rumah tersebut dan masuk melalui tingkap, dapur, pintu belakang ataupun apa saja cara. Apa yang penting di sini ialah kedatangan lelaki pada waktu itu setelah mendapat persetujuan pasangan perempuannya.

Bagi adat bersalah-salahan seumpama ini, iaitu pasangan tersebut berada di serambi rumah dikategorikan sebagai "Datang Menyerah". Datang menyerah bermaksud lelaki tersebut datang untuk menyerah dirinya kepada keluarga pihak perempuan agar diterima bernikah dengan anaknya dan bersedia menunaikan apa sahaja tuntutan yang diperlukan oleh keluarga tersebut selagi ianya tidak bertentangan dengan adat.

Bagi kes "Datang Menyerah" ini, selalunya pihak lelaki dan keluarganya telah mempunyai persediaan yang cukup dari semua aspek terutamanya kewangan. Mereka telah mempunyai

keyakinan bahawa kedatangan mereka untuk menyerah pastinya tidak akan ditolak oleh keluarga perempuan dan apa sahaja yang dituntut oleh pihak perempuan sebelum akad nikah dijalankan, pasti akan ditunaikan.

Dalam keadaan "Datang Menyerah" ini, pihak lelaki dan keluarganya terpaksa menerima apa juga keputusan yang telah ditetapkan oleh keluarga pihak perempuan tanpa berlaku sebarang tawar-menawar antara kedua-dua belah pihak. Bak kata pepatah;

"Keghano mulut boca, mako omeh padahnyo."

Dari segi moralnya lelaki yang "Datang Menyerah" ini akan mendapat sanjungan masyarakat kerana keupayaan diri dan keluarganya menyediakan segala tuntutan keluarga pihak perempuan. Di sini moral akan meningkat jika dapat bernikah dengan perempuan yang dimaksudkan.

Tetapi adalah sesuatu yang amat malang dan memalukan jikalau kehadirannya pada masa tersebut dihalau turun dengan secara terhormat oleh keluarga perempuan dengan alasan, mereka tidak gilakan harta dan kekayaan lelaki yang datang menyerah tadi.

Penolakan daripada keluarga perempuan boleh terjadi dan mereka tidak akan merasa malu kerana anak perempuan mereka belum lagi mengalami "kecacatan". Kecacatan di sini bermaksud

anak mereka belum lagi diceroi kehormatannya dari segi alat sex, kerana pada masa itu mereka hanya berada di serambi dan bukannya dalam bilik.

b. Bersalah-salahan di Tengah Rumah:

Bersalah-salahan di tengah rumah bermaksud, pasangan lelaki dan perempuan didapati berdua-duaan di tengah rumah tanpa ada orang lain bersamanya. Mereka dalam keadaan berdua-duaan tanpa diketahui awalnya oleh ahli keluarga. Kedatangan lelaki adalah setelah mendapat persetujuan perempuan yang jadi pasangannya dan lelaki tersebut masuk ke dalam rumah dengan dibantu oleh perempuan tersebut.

Dengan kehadiran lelaki tersebut di tengah rumah, maka bersalah-salahan ini dipanggil "Datang Mengumah". Bersalah-salahan di tengah-tengah rumah ini berbeza dengan bersalah-salahan di serambi rumah kerana bersalah-salahan di tengah rumah, anak perempuan mereka telah dikategorikan "Cacat".

Cacat di sini bermaksud, keluarga perempuan atau masyarakat mengandaikan anak perempuan mereka telah ditiduri oleh lelaki tersebut. Dengan kecacatan yang dialami ini, sudah tentulah keluarga perempuan mendapat celaan dari masyarakat.

Dalam hal ini, keluarga perempuan tidak mempunyai pilihan dan tidak mempunyai kekuatan untuk menekan dan membuat berbagai tuntutan kepada pihak lelaki dan keluarganya dalam semua hal. Sebaliknya memohon agar disegerakan akad nikah pada masa itu juga. Dari segi adatnya, apabila berlaku kes seumpama ini, sebelum matahari terbit pada keesokan harinya, pasangan ini mestilah dinikahkan.

Tidak ada sesiapa pun mempunyai kuasa untuk mengubah atau meniadakan pernikahan pada malam tersebut. Kuasa untuk menentukan nikah atau tidak pasangan tersebut pada malam itu bergantung sepenuhnya ditangan Datuk Empat. Sekiranya Datuk Empat mengeluarkan arahan nikah setelah membuat pertimbangan, maka imam, bilal, ketua kampung, wali dan keluarga pihak lelaki akan dijemput untuk menyempurnakan upacara akad nikah pada malam tersebut.

Bagi salah-salahan mengumah ini, banyak kekecualian dari segi adat terpaksa dilakukan. Sekiranya pihak lelaki pada malam tersebut tidak mempunyai persediaan, sebaliknya yang ada hanyalah dirinya sahaja, maka semua tuntutan adat seperti cincin, adat mas kahwin, hantaran, persalinan dan sebagainya boleh berhutang dahulu kepada pihak perempuan untuk diserahkan kemudian.

Jadi pernikahan yang menjadi kemestian pada malam tersebut tidak memerlukan pihak lelaki menunaikan tuntutan adat pada masa itu. Apa yang penting ialah perbuatan sumbang yang membawa kecacatan mesti berakhir dengan pernikahan.

c. Bersalah-salahan Dalam Bilik:

Bersalah-salahan di dalam bilik bermaksud pasangan lelaki dan perempuan hanya dalam keadaan berdua-duaan di dalam bilik rumah keluarga perempuan semasa ditemui oleh ahli keluarga perempuan. Bagi kesalahan seumpama ini, dari segi adatnya perempuan tersebut telah dikategorikan sebagai "Cacat", walaupun kecacatan yang berlaku adalah di atas persetujuan bersama.

Dengan kecacatan yang ditanggung oleh perempuan tersebut dan celaan yang akan diterima oleh dirinya dan keluarganya, adat telah memutuskan bahawa pasangan tersebut mestilah dinikahkan pada malam itu juga.

Sekiranya lelaki tersebut tidak mampu menjelaskan segala tuntutan adat, dibolehkan dia berhutang dengan pihak perempuan yang dinikahnya dan keluarga perempuan tersebut. Dari segi bentuk hukumannya adalah sama seperti salah-salahan di tengah rumah.

5.2.6 Prosedur Hukuman Bersalah-Salahan:

Berikut akan dinyatakan apakah prosedur yang akan dilakukan semasa hukuman salah-salahan dilaksanakan;

- a. Ahli keluarga perempuan mendapati pasangan lelaki dan perempuan sedang berdua-duaan di dalam rumah.
- b. Salah seorang dari ahli keluarga perempuan akan memanggil Empat Mondo atau Buapak.
- c. Buapak atau Empat Mondo akan menangkap pasangan tersebut.
- d. Buapak atau Empat Mondo arahkan orang semondo atau sesiapa sahaja dalam keluarga perempuan untuk berjumpa dengan Datuk Empat.
- e. Datuk Empat datang dan menerima laporan tangkapan dari Buapak atau Empat Mondo.
- f. Datuk bertanya kepada lelaki yang ditangkap sama ada benar atau tidak apa yang dilaporkan oleh Buapak dari segi;
 - Kedudukan pasangan semasa ditangkap.
 - Siapa yang ada bersamanya semasa ditangkap.

- g. Datuk Empat bertanya latar belakang lelaki, pekerjaan, tempat tinggal dan keluarganya.
- h. Setelah semua maklumat tangkapan dan maklumat lelaki dikumpul dan tiada percanggahan, maka Datuk Empat menyuruh beberapa orang memanggil wali, imam, bilal dan ketua kampung serta memanggil keluarga lelaki jika berada di kawasan berhampiran.
- i. Datuk Empat mengumumkan pasangan tersebut dari segi adat mesti dinikahkan pada malam itu.
- j. Datuk Empat mengarahkan upacara akad nikah dijalankan apabila imam, saksi, wali dan ketua kampung telahpun sampai.
- k. Setelah upacara akad nikah, Datuk Empat dan semua yang hadir terutamanya pihak lelaki dan pihak perempuan akan bermaaf-maafan bagi mengeratkan tali silaturrahim.
- l. Datuk Empat menyerahkan di atas muafakatan keluarga lelaki dan keluarga perempuan sama ada ingin mengadakan majlis persandingan atau tidak. Jika kedua belah pihak bersetuju untuk mengadakan majlis persandingan, maka adatnya adalah mengikut adat yang telah ditetapkan.